

Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah

Mustafa Ahmad
Pejabat Penggawa Daerah Semerak,
Pekan Cherang Ruku, 16800 Pasir Puteh, Kelantan

e-mel: drpha079@gmail.com

Published: 28 June 2024

To cite this article (APA): Ahmad, M. (2024). Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah. *Munysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 2(1), 75–90. <https://doi.org/10.37134/munysi.vol2.1.5.2024>

Abstrak

Artikel ini membincangkan latar belakang kepimpinan politik dan konsep kepimpinan politik Tengku Razaleigh Hamzah. Topik perbincangan meliputi enam era pemerintahan perdana Menteri di Malaysia bermula dari era Tunku Abdul Rahman (Tunku) sehinggalah era Datuk Seri Mohd Najib, Perdana Menteri Malaysia yang ke enam. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan sumber sekunder yang diterbitkan dan juga tidak diterbitkan. Penilaian terhadap pendekatan Tengku Razaleigh sepanjang 1957-2018 membolehkan pembaca memahami apakah ideologi kepimpinan politik pentadbiran yang beliau cita-citakan. Kajian ini mendapati bahawa model politik pentadbiran dan konsep kepimpinan Tengku Razaleigh mempunyai persamaan dengan idea Hume. Ia tidak bersifat rigid namun tujuan politiknya kekal sama. Walaupun perbincangan di dalam artikel ini berfokus kepada Tengku Razaleigh, namun ia memberikan maklumat berhubung sejarah politik di Malaysia sejak 1957 sehingga 2018.

Kata Kunci: Perdana Menteri Malaysia, Sejarah Politik, Tengku Razaleigh Hamzah, Politik Pentadbiran, UMNO

Abstract

This article explores the context of political leadership and the notion of political leadership associated with Tengku Razaleigh Hamzah. The topic of discussion addresses six periods of prime ministership in Malaysia, beginning with the tenure of Tunku Abdul Rahman (Tunku) and concluding with the era of Datuk Seri Mohd Najib. This research was carried out by utilizing secondary sources, including those that are published and unpublished. This article evaluates the policies and strategies employed by Tengku Razaleigh from 1957 until 2018. It enables the researcher to grasp the political leadership ideology that Tengku Razaleigh aims for. This research revealed that Tengku Razaleigh's model of political administration and leadership concept shares similarities with Hume's perspectives. It was not inflexible, yet its political intent stays consistent. While the discussions center on Tengku Razaleigh, the paper offers insights into the political history of Malaysia spanning from 1957 to 2018.

Keywords: Prime Ministers of Malaysia, Political History, Tengku Razaleigh Hamzah, political leadership, UMNO

Pengenalan

Sehingga kini kajian tentang kepimpinan politik pentadbiran Tengku Razaleigh secara terperinci adalah terhad. Secara umumnya pengkaji mendapati bahawa kajian kepada kepimpinan politik beliau adalah lebih menyeluruh berbanding kajian kepimpinan pentadbirannya. Kepimpinan politik lebih tertumpu kepada legitimasi kuasa seseorang pemimpin dalam bidang politik. Namun, kepimpinan politik pentadbiran memberikan tumpuan lebih mendalam terhadap aspek pentadbiran kerajaannya. Pemahaman mendalam kepada kepimpinan politik pentadbiran dan sejarah penglibatan Tengku Razaleigh perlu untuk didokumentasikan kerana Tengku adalah salah satu nama besar dalam sejarah dan politik di Malaysia. Maka, makalah ini menilai kepimpinan politik pentadbiran yang digunakan oleh Tengku Razaleigh bermula dari era Tunku Abdul Rahman (Tunku) sehinggalah era Datuk Seri Mohd Najib.

Latar Belakang Tokoh

Tengku Razaleigh Hamzah dilahirkan di Kota Bahru, Kelantan pada 13 April 1937 merupakan putera kedua Almarhum Tengku Maha Raja Tengku Mohamed Hamzah ibni Tengku Zainal Abidin, bekas Menteri Besar Kelantan. Beliau adalah dari keluarga diraja yang berasal dari keturunan Long Yunus yang memerintah Kelantan sehingga 1794.¹ Ketika dilahirkan, suasana negeri Kelantan berada dalam politik pentadbiran feodal tanpa adanya sebarang perubahan. Walaupun British telah mengambil Kelantan dari Siam melalui Perjanjian Bangkok 1909, tetapi British tidak masuk campur dalam urusan negeri Kelantan. Hal ini adalah disebabkan Kelantan merupakan sebuah negeri naungan tidak bersekutu iaitu sebuah negeri yang tunduk dibawah kuasa British dan mempunyai hak sendiri dalam urusan politik pentadbirannya. Pemerintahan Jepun dan kepulangan British di Kelantan telah mengubah pemikiran dan pandangan seorang putera raja dalam dunia politik pentadbiran Kelantan.

Sebagai putera raja, Tengku Razaleigh yang banyak menghabiskan masa dengan Tengku Indra. Tengku Indra yang mempunyai pengetahuan politik pentadbiran ikutan British ini banyak mengajar Tengku Razaleigh berhubung realiti sebenar dunia politik pentadbiran British. Tengku Razaleigh juga turut mengenali Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak melalui sepupunya iaitu Tengku Indra. Perbezaan umur di antara mereka berdua iaitu Tengku Indra 21 tahun tua dari Tengku Razaleigh. Hal ini tidak menampakkan jurang perbezaan dari segi idea dan pendapat yang dikongsi bersama mereka.

Tengku Razaleigh belajar dan memahami dunia politik pentadbiran seawal remaja lagi. Pada tahun 1954, Tengku Razaleigh dihantar ke Maktab Melayu Kuala Kangsar sebelum bertukar ke Sekolah Anderson, Ipoh. Selepas tamat persekolahan, beliau melanjutkan pendidikan tingginya di Queen's University, Belfast dalam jurusan ekonomi. Beliau terlibat dalam politik Afro-Asia sewaktu menjadi pemimpin persatuan pelajar Malaya di sana. Tengku Razaleigh mengenali Tunku dan Tun Abdul Razak semasa proses perundingan kemerdekaan sejak 1954. Hal ini disebabkan kedua-dua tokoh Tunku dan Tun Abdul Razak ingin mencari pelajar Malaya yang berkualiti untuk dijadikan pemimpin akan datang. Semasa lawatan Tunku dan Tun Abdul Razak pada tahun 1959 di London pada waktu ujian pertama Pilihan Raya Malaya Pertama, keakraban dan persahabatan Tengku Razaleigh dengan Tunku dan Tun Abdul Razak begitu serasi dan mesra. Dari situ, permulaan keterlibatan Tengku Razaleigh dalam dunia politik pentadbiran Malaya. Selepas pengumuman keputusan Pilihan Raya Pertama Malaya pada tahun 1959, ternyata Parti Perikatan kalah di Kelantan kepada PAS. PAS berjaya menguasai DUN Kelantan dan 9 kerusi Parlimen. Tengku Razaleigh berpendapat kekalahan ini adalah

disebabkan oleh keangkuhan pemimpin UMNO Kelantan yang menyebabkan punca kekalahan Parti Perikatan.

Walaupun begitu, beliau tidak mampu berbuat apa-apa sehinggalah dipanggil pulang di akhir Februari 1962. Kepulangan beliau adalah disebabkan ayahandanya diserang sakit jantung dan meninggal dunia pada 25hb Februari 1962. Akibatnya Tengku Razaleigh berhenti terus pengajian undang-undangnya di London untuk ijazah kedua. Selang beberapa bulan kemudian, Tengku Razaleigh menceburkan diri dalam dunia politik di Kelantan yang telah pun berada dalam genggaman PAS. Pengalaman pertama beliau dalam dunia politik bermula dengan pilihanraya kecil Rantau Panjang. Dalam pilihanraya kecil ini, calon UMNO kalah teruk akibat daripada kepimpinan yang bercelaru dan tidak tersusun berbanding dengan PAS. Hal ini memberikan satu pengalaman yang menarik bagi Tengku Razaleigh. Tidak lama kemudian, beliau mengambil alih tempat Tengku Indra sebagai Pengerusi bahagian Ulu Kelantan. Beliau dihantar untuk menimba ilmu politik dan diplomasi antarabangsa sebagai langkah permulaan beliau dalam dunia politik pentadbiran Malaya.

Konsep Kepimpinan Politik Pentadbiran Tengku Razaleigh

Perbincangan di dalam makalah ini berasaskan kepada konsep ketokohan kepimpinan politik pentadbiran Tengku Razaleigh dalam era pentadbiran Perdana Menteri Malaysia yang pertama sehingga Perdana Menteri ke-6 sepertimana di dalam jadual berikut:

Konsep Ketokohan Kepimpinan Politik Pentadbiran Tengku Razaleigh	Ciri-Ciri Kepimpinan Politik Pentadbiran
Semasa Era Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri, 1957 hingga 1970)	1) Autoriti Tradisi 2) Pendekatan Konservatif 3) Tradisional Nasionalis 4) Pengiktirafan Kepimpinan 5) Politik Idealisma
Semasa Era Tun Abdul Razak (Perdana Menteri Malaysia, 1970 hingga 1976)	1) Keadilan dan Janji Ditepati 2) Politik Perpaduan dan Penstrukturan UMNO 3) Kepimpinan Pentadbiran
Semasa Era Tun Hussein Onn (Perdana Menteri, 1976-1981)	1) Kepimpinan Strategik 2) Akauntabiliti 3) Demokrasi
Semasa Era Tun Dr. Mahathir Mohamad (Perdana Menteri, 1981 hingga 2003)	1) Politik Motivasi dan Islam 2) Autoriti Karismatik 3) Nasionalisme Melayu 4) Pendekatan Impresi
Semasa Era Tun Abdullah Ahmad Badawi (Perdana Menteri, 2003 hingga 2009)	1) Pendekatan Kepentingan Bersama 2) Kepimpinan Perkongsian Pintar
Semasa Era Datuk Seri Mohd Najib Abdul Razak (Perdana Menteri, 2009 hingga 2018)	1) Kepimpinan Pengurusan 2) Penerusan Legasi Tunku

Jadual 1: Konsep Kepimpinan Politik Pentadbiran Tengku Razaleigh sejak 1957 hingga era Datuk Seri Mohd Najib Razak.

Sumber: Ranjit Gill, 1987; Shamsul 1988, Hussain, 1977, Shamsul 1976, Weber 1968, Jamaie 2003, Boo Teik, 1995, Xavier, 2008, Alias Mohamad, 1986.

Berdasarkan jadual di atas, makalah ini menghuraikan setiap ciri-ciri kepimpinan pentadbiran mengikut konsep ketokohan kepimpinan politik pentadbiran Tengku Razaleigh dalam tempoh pentadbiran enam perdana Menteri sejak 1957-2018.

Konsep Kepimpinan Politik Pentadbiran Tengku Razaleigh

(i) Era Tunku Abdul Rahman

Kepimpinan politik pentadbiran Tengku Razaleigh semasa era Tunku bermula dari tahun 1959 setelah Tengku Razaleigh bertemu dan berbincang dengan Tunku dan Tun Abdul Razak mengenai hal-hal politik pentadbiran Malaysia sehinggalah berakhir pada 1970. Keadaan ini berlaku apabila Tunku meletak jawatan sebagai Perdana Menteri Malaya Pertama. Autoriti tradisi yang diwarisi oleh beliau adalah dipengaruhi oleh dua faktor, iaitu golongan bangsawan dan elit dalam masyarakat Melayu.² Weber mengutarakan bahawa autoriti tradisi kepimpinan adalah lebih bersifat warisan golongan bangsawan dalam sesebuah masyarakat.³ Shamsul mengakui bahawa kelebihan Tengku Razaleigh yang dipilih oleh UMNO Kelantan untuk menggantikan Tnegku Indra adalah disebabkan rasa hormat terhadap golongan bangsawan yang dianggap sebagai layak untuk menjadi pemimpin.⁴ Anggapan ini berlaku disebabkan kedudukan Tengku Razaleigh merupakan anak keturunan Sultan Kelantan dan mempunyai pendidikan yang tinggi, yang boleh dijadikan sebagai ukuran kepercayaan rakyat terhadap beliau. Kepimpinan politik pentadbiran Tengku Razaleigh bermula dengan Setiausaha Jawatankuasa Perhubungan dan pada waktu yang sama dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Pusat yang merupakan Majlis Tertinggi UMNO.

Hal ini berlaku kerana Tengku Razaleigh dianggap masih muda usianya dan jawatan Pengerusi UMNO Kelantan dipegang oleh Tunku sehingga waktu yang sesuai baru diberi kepada beliau. Justeru, pengaruh Tunku ke atas Tengku Razaleigh adalah cukup mendalam iaitu seperti seorang mentor dan inspirasi. Bebanan tanggungjawab ini telah dilaksanakan dengan mengkaji faktor penolakan rakyat Kelantan ke atas Parti Perikatan. Parti Perikatan yang diterajui oleh Tunku telah menjurus kepada perlaksanaan dasar-dasar pembangunan sosio-ekonomi dan pertimbangan komunal rakyat Kelantan.⁵ Dasar ini dilaksanakan untuk memenuhi aspirasi kependudukan Melayu di Pantai Timur. Sementara itu, politik pentadbiran Tunku lebih berpandukan kepada pendekatan sistem politik yang menitikberatkan tentang cara kerajaan dan masyarakat dapat wujud dalam satu hubungan yang lebih stabil dan bukan berdasarkan kepada penentuan keputusan politik pentadbiran di Kelantan.⁶ Hal ini bermakna rakyat Kelantan diberikan kebebasan untuk memilih sesiapa sahaja untuk memimpin Kelantan walaupun sejumlah wang yang banyak telah dibelanjakan untuk pembangunan sosio-ekonomi Kelantan oleh Parti Perikatan. Apakah elemen yang menyebabkan rakyat Kelantan berpaling tadah ke atas Parti Perikatan. Hal ini didapati bahawa elemen bukan kerajaan yang menyebabkan kurangnya sokongan rakyat Kelantan ke atas Parti Perikatan. Elemen ini dimaksudkan adalah permintaan dan sokongan yang dilahirkan oleh rakyat kepada pihak kerajaan iaitu fahaman dan pengalaman kaum petani yang menghadapi masalah dan ketegangan sosio ekonomi. Kedua-dua perkara ini menyebabkan pemikiran rakyat Kelantan beranggapan bahawa berlakunya kejadian ini disebabkan oleh penyelewengan dari ajaran Islam. Melalui tindakan tersebut, pihak kerajaan sepatutnya melihat akan kepada permintaan-permintaan daripada rakyat tadi dan seterusnya melaksanakan segala dasar yang diterima pakai dalam politik pentadbiran.⁷

Shamsul mengatakan bahawa keputusan yang dilakukan oleh pihak PAS adalah atas sokongan rakyat dan permintaan rakyat itu diterjemahkan berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh rakyat dalam Pilihan Raya.⁸ Justeru, kepimpinan politik pentadbiran UMNO dibawa Tengku

Razaleigh perlu peka kepada gaya pembuatan keputusan yang memujuk, yang bertujuan untuk meyakinkan dan memberikan sesuatu jaminan terhadap sesuatu perkara yang dilakukan demi kebaikan rakyat Kelantan. Hal pemujukan ini melibatkan penyusunan dan pengumpulan fakta, data, maklumat dan kemahiran untuk menangani permasalahan serta menggunakan alasan-alasan dan logik akal bagi meyakinkan orang lain dengan kebenaran situasi ini.⁹ Pendekatan konservatif digunakan seperti kepimpinan pengaruh golongan bangsawan yang banyak mempengaruhi cara hidup tradisi rakyat Kelantan. Hal ini berlaku kerana proses peralihan dari pemerintahan kolonial yang memberikan kuasa ke atas golongan bangsawan untuk mencorakkan model politik pentadbiran Kelantan kepada sebuah negara yang baru merdeka.¹⁰

Pendekatan Tunku menggunakan fungsi sentralisasi dalam menjalankan sistem pentadbiran kerajaannya telah menyebabkan wakil UMNO Kelantan menjadi kaku di DUN Kelantan. Hal ini adalah disebabkan mereka tidak berpengaruh dalam politik pentadbiran negeri dan tidak melaksanakan tindakan yang agresif untuk memperkukuhkan pendirian mereka sebagai pembela kepentingan rakyat. Justeru, Tengku Razaleigh memahami akan situasi ini dan mengambil tanggungjawab untuk memimpin UMNO Kelantan. Beliau adalah pemimpin tradisional nasionalis yang mendapat kepercayaan daripada pihak istana.¹¹ Fenomena ini mendorong kepada kepimpinan politik pentadbiran beliau untuk berjumpa dengan rakyat secara peribadi dengan turun padang ke setiap kampung. Sambutan yang positif ini telah dipermudahkan oleh berkat kedudukan ayahanda beliau sebagai bekas Menteri Besar Kelantan. Penghormatan yang diberikan oleh Datuk Asri Haji Muda menyebabkan beliau disenangi dan disukai sama ada dari parti UMNO mahupun PAS.

Pengiktirafan kepimpinan ke atas Tengku Razaleigh dikatakan sebagai seorang etnik nasionalisme yang sentiasa mementingkan partisipasi dari semua lapisan masyarakat tanpa mengenal pangkat, darjat dan keturunan dalam parti UMNO yang diterajunya.¹² Pertama, Tengku Razaleigh lebih utama mempertahankan prinsip kepentingan etnik nasionalismenya daripada prinsip kepentingan dirinya sebagai seorang keturunan raja. Konsep turun padang berjumpa dengan rakyat dan membelanjakan sejumlah wang beliau dalam memulihkan UMNO Kelantan wajar dihormati oleh semua lapisan masyarakat. Beliau inginkan semua rakyat Kelantan mendapat hak yang sama rata dalam nikmat pembangunan dan bebas daripada pemikiran tradisi rakyat Kelantan. Beliau memperjuangkan apa yang dipercayainya tanpa mengutamakan mana-mana pihak. Kedua, tindakan-tindakan yang dijalankan oleh beliau adalah untuk mengimbangi antara pengaruh UMNO dengan PAS. Tetapi persoalan ini tidak berfungsi disebabkan oleh campur tangan pihak yang tidak suka cara baru dalam perjuangan memulihkan UMNO Kelantan dan pada masa sama inginkan sokongan pihak Istana (Hussain, 1977). Dalam Perhimpunan UMNO pada 1962, Tengku Razaleigh berkata,¹³

“Tidak wajar rasanya menjadi wakil rakyat di peringkat Persekutuan. Ini sudah tentu akan menghalang saya dari meneruskan tugas saya di Kelantan iaitu menewaskan PAS. Tambahan pula, rakyat Kelantan telah merungut kerana bekas ahli-ahli Undangan Negeri UMNO tidak pernah melawat kawasan lagi. Orang-orang kampung memandang wakil rakyat UMNO sebagai pegawai kebajikan atau pegawai daerah kanan yang sentiasa ada apabila sahaja mereka berkehendakkan bantuan. Dalam hal ini, PAS lebih beruntung kerana wakil mereka lazimnya tinggal di kawasan-kawasan yang diwakilinya”.

Dalam hal ini, Tengku Razaleigh turut mengakui kesukaran untuk menawan Kelantan tanpa adanya pembaharuan strategi yang digunakan oleh UMNO. Kelebihan bakat Tengku Razaleigh

boleh dianggapnya sebagai rahmat besar terhadap UMNO Kelantan pada waktu tersebut.¹⁴ Walaupun Kelantan masih dikuasai PAS, politik idealisma yang digunakan oleh Tengku Razaleigh ternyata menjadi satu masalah besar bagi pihak PAS. Politik akomodasi digunakan oleh Tengku Razaleigh bagi memperbaiki UMNO Kelantan.¹⁵ Dalam usaha untuk membuat perubahan selepas tahun 1962, kepimpinan politik pentadbiran beliau melakukan penstrukturan semula jentera kepimpinan UMNO Kelantan. Pada masa yang sama Tengku Razaleigh menekankan pembangunan ekonomi dan institusi awam di Kelantan walaupun PAS memerintah negeri tersebut (Ahmad Atory, 2002). Hal ini diakui oleh Case (1991) sebagai kesan daripada penstrukturan semula politik pentadbiran UMNO Kelantan telah menyebabkan Tengku Razaleigh menggunakan pendekatan pembangunan ekonomi dan institusi awam dalam usaha mentransformasikan pembaharuan dalam politik pentadbiran Kelantan. Ranjit Gill mengatakan Tengku Razaleigh telah menyarankan politik idealismanya dalam pendekatan pembangunan ekonomi dan institusi awam Kelantan, iaitu:¹⁶

- i) Perubahan-perubahan dalam politik pentadbiran UMNO Kelantan terutamanya struktur organisasi UMNO dengan pengenalan wadah perjuangan pembangunan ekonomi dengan pelaksanaan dasar-dasar Persekutuan.
- ii) Penubuhan pusat latihan dan institusi awam yang memberikan penekanan terhadap latihan dalam perkhidmatan dari segi perkeranian dan penyeliaan, pentadbiran dan pengurusan kepada rakyat Kelantan. Pada masa yang sama, penyediaan kemudahan-kemudahan fizikal, infrastruktur dan perkhidmatan sosial yang diwujudkan oleh institusi awam yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan Persekutuan.
- iii) Pengenalan Pekerjaan Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab terhadap pembaikan keadaan kehidupan masyarakat Kelantan khususnya di luar Bandar. seperti kemudahan-kemudahan fizikal, infrastruktur dan perkhidmatan sosial.

Pembaharuan yang dilakukan oleh Tengku Razaleigh dengan menggunakan kaedah ini memberikan dua kesan utama dalam politik pentadbiran Kelantan. Kesan pertama adalah kewujudan desentralisasi dalam pembuatan keputusan politik pentadbiran kerajaan pimpinan Tunku bersama dengan beliau. Ia juga melahirkan sikap baru dalam politik pentadbiran UMNO Kelantan yang tidak bergantung lagi kepada sikap paternalistik dan mewujudkan daya inovasi bagi meningkatkan motivasi dalam kalangan ahli-ahli UMNO Kelantan untuk terlibat dalam perjuangan merampas Kelantan dari PAS.

ii. Era Tun Abdul Razak

Apabila Tun Abdul Razak mengambil alih jawatan Perdana Menteri dari Tunku, maka jawatan Pengerusi Umno Kelantan. Pada masa yang sama Tan Sri Nik Ahmad Kamil telah dipilih menjadi Pengerusi Badan Perhubungan Umno dan Tengku Razaleigh menjadi Timbalan Pengerusi Umno. Beliau ditawarkan oleh Tun Abdul Razak untuk bertanding tetapi tawaran itu ditolak. Penolakan tersebut berkait dengan keadilan dan janji yang ingin beliau tepati. Keadilan dan janji yang beliau ingin tepati adalah semasa Tunku membawanya masuk ke dalam Umno. Di antaranya iaitu:

- 1) Beliau telah berjanji dengan Tunku untuk memulihkan Umno Kelantan. Pada masa yang sama beliau ingin berkhidmat untuk rakyat dan negeri Kelantan.
- 2) Beliau ingin melihat keadilan yang sebenar dalam dunia politik Kelantan. Umno Kelantan yang benar-benar memperjuangkan nasib dan kehidupan rakyat Kelantan. Bukannya parti PAS yang berjanji kosong dan mengeluarkan fatwa kafir mengkafir ke atas Umno. Justeru, beliau ingin menyusun balik kepimpinan politik pentadbiran Umno selepas kalah teruk kepada PAS.
- 3) Pada tahun 1969, selepas Tengku Razaleigh menerima tawaran bertanding yang merupakan arahan dari kerajaan Pusat dan beliau telah memenangnya. Jawatan Pengerusi Umno telah diserahkan kepada beliau. Penyerahan jawatan ini melambangkan bahawa autoriti legal-rasional kepada Tun Abdul Razak yang mendapatkan kuasa melalui perundangan.¹⁷ Walaupun autoriti legal-rasional yang diwarisi oleh Tengku Razaleigh tetapi beliau masih mengekalkan dasar-dasar keadilan dan janji yang ingin ditepati dengan ditambah baik nilai-nilai tempatan.¹⁸

Shamsul bersetuju dengan Jamaie berkaitan nilai-nilai tempatan yang ditambah baik seperti penyatuan semua parti politik dalam satu parti politik baru, iaitu Barisan Nasional (BN).¹⁹ Pada 1 Januari 1973 BN ditubuhkan dan adalah sebahagian daripada pembaharuan kepimpinan politik pentadbiran Tun Abdul Razak selepas kejadian 13 Mei 1969. Perubahan yang dilakukan oleh Tengku Razaleigh seterusnya dengan melaksanakan buku rancangan pembangunannya iaitu, "Tinjauan Ekonomi Rancangan Perlaksanaan Kelantan". Beliau mengadakan pembaharuan dalam birokrasinya dengan memperkenalkan Dasar Penyusunan Semula Ekonomi dan Masyarakat Kelantan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan dasar peranan-peranan orientasi tindakan. Jamaie mengatakan bahawa kedua-dua dasar tersebut adalah untuk politik perpaduan dan penstrukturan semula Umno.²⁰ Politik perpaduan yang dimaksudkan adalah menyatukan Parti Pas dan Parti Umno dalam satu parti BN. Parti Berjasa ditubuhkan bagi menyusun semula badan berkanun dan mengemas kedudukan kerajaan baru. Penyatuan ini amat bermakna kerana dapat menyatukan perpaduan orang-orang Melayu Kelantan merentasi fahaman politik. Penstrukturan semula Umno dengan menguatkan kedudukan Umno Kelantan melalui strategi pembangunan wilayah. Melalui strategi ini, peluang pekerjaan dapat ditingkatkan bukan sahaja di kawasan bandar tetapi juga di luar bandar apabila rancangan-rancangan pembangunan wilayah ekonomi Kelantan seperti rancangan penanaman getah dan kelapa sawit yang dijalankan oleh badan berkanun iaitu FELDA dan FELCRA, rancangan pembasmian kemiskinan dan rancangan pembangunan kerohanian.

Tambahan pula, Aziz Zariza turut menghuraikan bahawa Tengku Razaleigh telah melaksanakan dasar kepimpinan pentadbiran afirmatif bagi membangunkan taraf hidup kaum Melayu Kelantan yang terpinggir seperti pemberian lesen, tender dan kontrak bersama dengan bantuan kewangan kepada kaum Melayu yang ingin menjalankan perniagaan dan kuota 30 peratus saham perlu diberi kepada kaum bumiputera dalam semua syarikat yang berdaftar di Kelantan.²¹ Aziz Zariza juga mengakui kepimpinan pentadbiran Tengku Razaleigh turut melibatkan dasar meluaskan kemudahan awam dan perkhidmatan masyarakat seperti dasar pendidikan secara percuma kepada semua rakyat Kelantan tanpa mengira fahaman politik bertujuan menghapuskan buta huruf.²² Kepimpinan pentadbiran terserlah dengan tugas integrasi parti Umno dan Pas yang dilaksanakan oleh Tengku Razaleigh di Kelantan.²³ Kepimpinan politik pentadbiran Tengku Razaleigh di Kelantan adalah kepimpinan instrumental, iaitu penguatkuasaan dan tingkah laku melalui kumpulan pengurusan, struktur

dan proses pengurusan melibatkan persekitaran pengurusan yang boleh menimbulkan motivasi dan ganjaran.

(iii) Era Tun Hussein Onn

Apabila Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri Malaysia Keempat, Tengku Razaleigh telah menjalankan kepimpinan strategik. Di antara kepimpinan strategik beliau yang dikisahkan oleh Anwar Shukri menurut pandangan pengkaji iaitu:²⁴

1) Bermula dari tahun 1974 lagi, beliau dilantik sebagai Naib Presiden UMNO kemudian memegang jawatan Pengerusi Petronas, penubuhan Tabung Dana Umno dengan pembelian syarikat Fleet dan New Straits Times. Kesannya ialah kompleks Putra World Trade Center telah berjaya dibina dan dijadikan kompleks Umno. Beliau juga bertanggungjawab di atas penubuhan bank Bumiputra, Pernas, Petronas dan Amanah Saham Nasional. Hasil kejayaan ini, beliau dilantik sebagai Menteri Kewangan dari 1976-1984 dan pada masa yang sama memegang jawatan Menteri Perdagangan dan Industri.

2) Beliau menjalankan kepimpinan transaksional dan fungsional dalam politik pentadbirannya, iaitu meneruskan nilai-nilai yang sedia ada. Beliau meneruskan dasar-dasar yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak dan Tunku tanpa sebarang pindaan atau perubahan. Dalam pentadbiran awam, beliau melakukan perubahan besar dengan menukarkan ekonomi Bumiputra yang lebih luas maksudnya. Usaha pertama dalam kepimpinan politik pentadbirannya ialah memodenkan ekonomi Bumiputra dengan menubuhkan Amanah Saham Nasional, Bank Simpanan Nasional dan menaiktaraf badan berkanun MARA kepada sebuah organisasi yang membantu sosioekonomi Bumiputra.²⁵ Kedua-dua agensi ini bertujuan meningkatkan keupayaan ekonomi Bumiputra dari aspek peluang pekerjaan, dana dan kualiti kehidupan. Pemodenan dan latihan ekonomi diberikan kepada kaum Bumiputra dan khususnya rakyat Kelantan kerana ingin menghapuskan sindrom "*Malay Dillema*".²⁶

3) Sepanjang beliau memegang sebagai Menteri Kewangan dan Menteri Perdagangan dan Industri, Tengku Razaleigh tidak melata apabila beliau diuji dan dipuji. Beliau dipuji sebagai Bapa Ekonomi Bumiputra kerana bertanggungjawab mewujudkan Dewan Perniagaan Melayu dan menjadi Presiden dari 1973 hingga 1976. Beliau juga bertanggungjawab menubuhkan Dewan-dewan Perniagaan Asean dan menjadi presiden dari 1975-1976, Pengerusi Bank Pembangunan Asia 1976-1977, Pengerusi Bank Pembangunan Islam 1977-1978, Pengerusi Lembaga Gabenor Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa 1977-1978. Sementara itu dengan kejayaannya yang dipuji, beliau turut diuji dengan fitnah dan konspirasi politik untuk menjatuhkan beliau dengan kes pembunuhan pegawai Bank Bumiputra iaitu Jalil Ibrahim pada tahun 1984. Tengku Razaleigh mengeluarkan kenyataan penuhnya dengan menafikan beliau terlibat dalam surat khabar pada 4hb Mei 1984.

4) Ujian ke atas kepimpinan politik pentadbiran Tengku Razaleigh ini tidak dibalas. Hal ini adalah kerana beliau tidak mempunyai sebarang dendam sebaliknya beliau ingin melaksanakan sebarang agenda dalam kepimpinan politik pentadbirannya. Beliau ingin memfokuskan pemodenan ekonomi Bumiputra supaya kemakmuran dan kenikmatan pembangunan negara dapat dinikmati oleh kaum Bumiputra. Justeru beliau ingin melihat aspirasi beliau supaya pembangunan ekonomi dan masyarakat Kelantan sampai sehingga ke kawasan pedalaman melalui agenda kepimpinan beliau.

Jamaie menyatakan bahawa Tengku Razaleigh banyak bergantung kepada akauntabiliti sebagai anggota khidmat awam dalam meneruskan kepimpinan politik pentadbirannya.²⁷ Hal ini banyak membantu beliau mengekalkan kuasanya dan menjadikan dasar-dasar beliau berjaya dilaksanakan tanpa sebarang halangan. Walaupun parti pembangkang berjaya digabungkan ke dalam BN di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak akhirnya telah keluar dari BN pada tahun 1977 semasa pemerintahan Tun Hussein Onn.²⁸ Namun didapati tidak mampu menggugat kepimpinan politik pentadbiran beliau di Kelantan. Pada tahun 1981, beliau dikaitkan dengan peristiwa UMBC yang saham-sahamnya diura-ura akan dibeli oleh Multi-Purpose Holdings iaitu syarikat pelaburan MCA. Tengku Razaleigh hanya berdiam diri kerana akauntabilitinya kepada tanggungjawab bersama terhadap pemimpin lain dalam kerajaan. Perjalanan kepimpinan politik pentadbiran Tengku Razaleigh telah sekali lagi diuji dengan sistem demokrasi di Negara ini. Hal ini berlaku pada tahun 1981 apabila beliau berhadapan dengan Musa Hitam dalam pemilihan Timbalan Presiden Umno. Akhirnya beliau kalah dan akur dengan sistem demokrasi yang telah dijalankan dalam parti Umno. Tetapi dengan desakan dan rayuan Dr. Mahathir supaya mengekalkan beliau dalam Majlis Tertinggi tetapi beliau menolak dan bersetuju untuk menjadi Bendahari Umno. Pada masa yang sama, beliau bersetuju untuk memegang jawatan Menteri Kewangan sehingga 1984. Beliau mengakui bahawa pendemokrasian amat penting dalam melestarikan Umno tanpa mengorbankan perpaduan dan keutuhan Umno khususnya Umno Kelantan.

(iv) Era Tun Dr. Mahathir Mohamad

Apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih kepimpinan daripada Tun Hussein Onn, beliau menggunakan kepimpinan politik dalam kepimpinan politik pentadbirannya. Hal ini telah digambarkan oleh Aziz Zariza Ahmad seperti berikut:²⁹

Mahathir's leadership philosophy is that each individual should have his own ideas and the ability to realize them. He has emerged a progressive leadership with his own vision. Mahathir is an intensely patriotic, nationalistic Malay and Malaysian leader. He is impatient for his people to attain property and success in every facet of their lives"

Dalam politik pentadbiran Tengku Razaleigh yang kalah teruk kepada Musa Hitam dalam pemilihan Timbalan Presiden Umno pada tahun 1981, beliau menggunakan kepimpinan politiknya sebagai alat untuk membalas dendam. Hal ini kerana sebelum pemilihan Umno, banyak fitnah dan usaha untuk menjatuhkan beliau. Sementara itu, beliau melakukan perubahan drastik dalam membangunkan kembali pengaruh kepimpinannya di peringkat pusat dan negeri Kelantan. Politik motivasi dan Islam digunakan bagi meningkatkan kekuatan dan kedudukan Umno khususnya Umno Kelantan. Pada Pilihan Raya Umum April 1982, kepimpinan Tengku Razaleigh telah berjaya menguasai Kelantan dengan dua pertiga DUN Kelantan. Kejayaan ini merupakan autoriti karismatik dalam kepimpinan politik pentadbiran beliau.³⁰ Hal ini diakui oleh Jamaie yang mengatakan autoriti karismatik yang ditonjolkan oleh Tengku Razaleigh seperti Rancangan Tinjauan Pembangunan Wilayah Kelantan yang telah menampakkan hasilnya.³¹ Tengku Razaleigh turut meletakkan pengharapan yang tinggi dalam politik pentadbiran beliau supaya anjakan paradigma pemikiran anggota Umno Kelantan dapat diubah menjadi seorang ahli yang progresif, maju dan dinamik.³² Beliau telah membina satu model kepimpinan Umno yang berkesan dan efektif dalam mengawal tingkah laku anggota Umno Kelantan menerusi idea nasionalisme Melayu.³³ Beberapa perubahan telah berlaku pada sistem politik pentadbiran Tengku Razaleigh seperti membentuk kaedah pentadbiran yang

bersifat kapitalisme, demokratisme dan nasionalisme dalam melaksanakan setiap arahan politik pentadbiran beliau di Kelantan.³⁴

Kepimpinan autoriti karismatik merupakan satu idea bagi kepimpinannya yang membawa arus pemodenan negara dengan begitu pantas dan mencipta nama Tengku Razaleigh dalam dunia perbankan dan kewangan.³⁵ Dalam strategi pembaharuan kewangan dan perbankan di Malaysia seperti penyusunan semula operasi syarikat insuran, pengawalan perbelanjaan dan membantu memulihkan indutsri perumahan dan pembinaan. Hal ini telah menyebabkan lebih sebanyak RM 46 juta dalam imbangan dagangan Negara. Pemulihan ekonomi Negara yang begitu pantas daripada kelembapan ekonomi dunia dan persediaan awal menghadapi krisis ekonomi merupakan satu kejayaan beliau. Di akhir Februari 1984, Tengku Razaleigh telah menggunakan pendekatan impresi dalam pemilihan jawatan Perhimpunan Agung Umno. Tengku Razaleigh telah melakukan reformasi gaya kempen. Dalam gaya kempen tersebut beliau memberi amaran mengenai pseudo-nasionalis tetapi tidak dipedulikan. Hal ini berlaku kerana pendekatan impresi yang dilaksanakan oleh beliau tidak disukai oleh sesetengah pihak. Seorang peniaga Malaysia yang telah mengikuti karier beliau telah mengulas,³⁶

“Kerana diberi kuasa sebegitu banyak oleh Tun Abdul Razak dan kemudiannya oleh Tun Hussein, beliau seolah-olah merasakan dirinya maha kuasa. Sama ada disedarinya atau tidak beliau mula berlagak. Walaupun beliau cukup berjaya sebagai Menteri Kewangan, ada kawan-kawan lamanya yang terasa terpisah. Masalahnya ialah beliau semakin dikerumuni oleh tukang ampu yang menikamnya dari belakang”.

Usaha beliau untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno dengan tidak mengendahkan saranan ketua parti dan timbalannya supaya tiada pertentangan dalam pemilihan Umno 1984. Hal ini membawa kepada sokongan Dr. Mahathir ke atas Musa Hitam. Dua peristiwa besar yang berlaku iaitu kes Dato' Harun yang tidak menyokong beliau dalam pertandingan jawatan Timbalan Presiden Umno dan kes pembunuhan pegawai bank Bumiputra, Encik Jalil. Kes pembunuhan pegawai bank Bumiputra telah menghangatkan kembali suasana fitnah yang beliau hadapi pada tahun 1981. Beliau telah menjadi sasaran fitnah walaupun telah dibuktikan tidak bersalah. Akibatnya, beliau kalah kepada Musa Hitam dalam pertandingan pemilihan jawatan Timbalan Presiden Umno 1984. Seterusnya, beliau berundur diri dari cabinet dan juga Bendahari Umno dan dilucutkan sebagai Ketua Perhubungan Umno Kelantan. Beliau menerima jawatan Menteri Perdagangan dan Industri kerana terpaksa disebabkan beliau tidak lagi memegang sebarang kedudukan yang penting dalam parti di peringkat nasional ataupun negeri. Bermula dari tahun 1984 hingga 1987, beliau sentiasa berhati-hati, tidak mahu bercakap banyak, tidak mahu mengumpat dasar-dasar pentadbiran ketuanya dan tidak mahu terlibat secara langsung dalam sebarang krisis besar yang menarik perhatian masyarakat.

Pendekatan impresi kedua digunakan oleh beliau untuk menentang ketuanya dalam pemilihan Presiden Umno pada 1987. Keputusan ini dibuat setelah pelbagai isu seperti isu Memali, isu rasuah politik wang, isu kemelesetan ekonomi dan lain-lain telah melanda kabinet pimpinan Dr. Mahathir. Bagi beliau, isu-isu ini telah membawa Umno jauh daripada tujuan sebenar penubuhan Umno sewaktu di zaman Tunku dan Tun Abdul Razak. Sekali lagi beliau kalah dalam pemilihan ini yang penuh dengan tanda tanya. Tengku Razaleigh serasa tidak puas hati dengan pemilihan ini dan membawa kes ini ke Mahkamah Persekutuan. Implikasinya Umno terpaksa dibubarkan kerana Umno tidak pernah didaftarkan sebagai satu pertubuhan. Hasilnya Umno Baru ditubuhkan oleh Dr. Mahathir dan kumpulan yang menyokong Tengku Razaleigh

menubuhkan Semangat 46. Pada Pilihan Raya Umum 1990, Semangat 46 bergabung dengan Pas membentuk Angkatan Perpaduan Ummah atau APU menentang Umno Baru di Kelantan. Akibatnya, Kelantan jatuh ke tangan Pas sehingga hari ini. Walaupun Semangat 46 kalah teruk dan ramai ahli-ahlinya berpaling tadah telah menyertai Umno Baru, Tengku Razaleigh tetap meneruskan perjuangan beliau dengan menentang penghapusan immuniti Raja pada tahun 1992. Pada tahun 1996, beliau menyertai Umno Baru dan membubarkan Semangat 46 setelah dipujuk oleh Dr. Mahathir. Pujukan ini amat penting bagi merampas semula Kelantan dari tangan Pas.

(v) **Era Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi**

Penyerahan kuasa Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada Abdullah pada 31 Oktober 2003 merupakan suatu perlambangan era baru bagi Malaysia. Sivamurugan Pandian memperlihatkan kepimpinan Abdullah dalam tiga konteks, iaitu keintegritian, Islam dan pendemokrasian.³⁷ Tengku Razaleigh kelihatan masih bertenaga kerana beliau merupakan satu-satunya ahli Parlimen Gua Musang berjaya mengekalkan kerusi Parlimennya sejak 1974. Justeru pada tahun 2004, beliau ingin bertanding untuk merebut jawatan Presiden Umno tetapi tidak mendapat sokongan daripada ahli-ahli Umno. Justeru, beliau menggunakan pendekatan kepentingan bersama bagi membina semula Umno Kelantan. Usaha beliau yang sentiasa turun padang dan menjalinkan hubungan dengan kerajaan Pusat adalah bertujuan supaya pembangunan sosio ekonomi di negeri Kelantan berterusan. Hal ini amat penting kerana kerajaan pimpinan Pas tidak mampu membangunkan negeri ini jika tanpa sokongan dari kerajaan Pusat.

Pengaruh beliau yang diperolehi sewaktu berkerjasama dengan Abdullah sewaktu zaman MAGERAN dan juga krisis 1987. Krisis 1987 merupakan krisis pemilihan Presiden Umno yang menyebabkan Abdullah menyebelahi beliau dalam kumpulan B semasa pemilihan Umno. Kedua-dua peristiwa ini telah memberi ruang dan peluang bagi beliau untuk memperbaiki kedudukan Umno Kelantan khususnya kawasan Parlimennya. Contohnya peruntukan untuk pembangunan ekonomi wilayah ECER, Kelantan telah diberikan peruntukan untuk pembangunan ekonomi perladangan dan pelabuhan nelayan laut dalam. Kedua-dua pembangunan ini telah membawa kepada penghasilan bahan-bahan makanan yang penting. Seterusnya membawa kepada penurunan harga makanan di Pantai Timur.

Kepimpinan perkongsian pintar yang digunakan oleh Tengku Razaleigh dalam era kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Kelima Malaysia. Hasil daripada kepimpinan perkongsian pintar boleh dilihat dari segi iaitu:

- 1) Beliau bersetuju dengan dasar Abdullah dalam memerangi rasuah termasuklah politik wang. Hal ini kerana menurut pendapat beliau, *pseudo nasionalis* yang telah berakar umbi dalam Umno semenjak zaman Dr. Mahathir perlu dielakkan supaya keutuhan Umno tidak terjejas.
- 2) Beliau turut bersetuju dengan pendemokrasian Negara ini. Justeru, beliau menyarankan agar Umno turut didemokrasikan supaya ahli-ahli akar umbi boleh bersuara tanpa takut kepada ketua. Dalam hal ini, Abdullah sememangnya cuba mendemokrasikan Umno tetapi halangan tetap ada. Halangan ini adalah disebabkan oleh ahli-ahli berjawatan atasan tidak sebegitu demokratik berbanding dengan ahli-ahli bawahan. Akhirnya, pendemokrasian Umno menemui jalan buntu. Justeru, ahli-ahli Umno perlu berani membuat perubahan dan pendemokrasian jika ingin melihat Umno maju dan berdaya saing seperti yang diperkatakan oleh Tengku Razaleigh dalam majli Umno Bahagian Ipoh Timur, 2008.

3) Abdullah inginkan seseorang untuk membantu beliau menyusun semula ekonomi Negara pada tahun 2008 akibat krisis kenaikan harga minyak. Justeru, Tengku Razaleigh dilihat mempunyai kelayakan dalam hal ini. Perkara ini terhalang disebabkan oleh faktor umur yang menjadikan beliau tidak dipandang oleh ahli Umno. Sementara itu, Abdullah sentiasa mendapatkan pandangan beliau dalam penyusunan ekonomi Negara seperti yang pernah Abdullah lalui sewaktu memegang jawatan setiausaha MAGERAN. Hal ini kerana Abdullah pernah menimba pengalaman dari segi pengurusan ekonomi di zaman Tun Abdul Razak. Pada masa itu, Tengku Razaleigh merupakan Menteri Kewangan dan Abdullah baru mengenali dunia politik. Justeru, kedua-dua tokoh ini pernah berkerjasama dalam pembangunan ekonomi Negara iaitu merangka Dasar Ekonomi Baru termasuklah Buku Merah dan Buku Hijau.

4) Pandangan beliau mengenai iklim politik Negara pada tahun 2008 dalam program Kongres Permuafakatan Melayu Pulau Pinang Zon Utara di Dewan Kuliah U, Universiti Sains Malaysia. Beliau bersetuju bahawa pendemokrasian yang dijalankan oleh Abdullah sememangnya satu perkembangan yang baik untuk kepentingan Umno dan Barisan Nasional. Justeru, jika perkara ini tidak dikawal dengan serius boleh membawa kepada satu permasalahan. Hasilannya, beliau sentiasa mendokong pendemokrasian yang diusahakan oleh Abdullah dalam kepimpinan perkongsian pintar tetapi pada masa yang turut mengkritiknya. Pada pendapat Abdullah, hal ini adalah seperti satu tradisi dalam semangat kepartian Umno yang membenarkan berlainan pendapat tetapi tidak membawa mudarat kepada perpaduan Umno.

(vi) Era Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak

Kepimpinan pengurusan yang dijalankan oleh Tengku Razaleigh telah membawa kepada kemenangan beliau di kerusi Parlimen Gua Musang. Pengukuhan Umno Kelantan dan BN Kelantan di setiap DUN dan Parlimen Gua Musang sejak tahun 1974 membuktikan kepimpinan pengurusan beliau. Kepimpinan pengurusan ini boleh dilihat dari segi kemajuan dan pembangunan Gua Musang adalah lebih ke depan berbanding dengan kawasan-kawasan lain. Sementara itu, kebajikan rakyat Gua Musang dan kemudahan awam turut diutamakan tanpa mengenal lapisan masyarakat. Hal ini diakui oleh penduduk-penduduk Gua Musang yang sentiasa memberi kemenangan ke atas kepimpinan beliau di Gua Musang sejak 1974. Perkara ini boleh dijadikan sebagai panduan asas kepada mana-mana pemimpin yang ingin mengekalkan kerusi sama ada DUN atau Parlimen. Salah satu kaedah yang jelas kelihatan ialah beliau sentiasa turun padang dan berjumpa dengan ketua-ketua masyarakat termasuk pegawai-pegawai kerajaan bagi meninjau keadaan pelaksanaan rancangan pembangunan yang dijalankan oleh beliau.

Pada 22 Julai 2011, Angkatan Amanah Merdeka (AAM) ditubuhkan oleh beliau bagi memperingati kisah-kisah dan perjuangan kemerdekaan yang dijalankan oleh Tunku. Penubuhan AAM ini dibuat di Tugu Peringatan Tunku Abdul Rahman sempena Hari Kemerdekaan Malaysia ke-49. Beliau masih ingin meneruskan gagasan dan legasi Tunku kepada generasi muda hari ini. Bagi Tengku Razaleigh, kemerdekaan Negara ini dikongsi bersama dengan satu impian dan cita-cita. Impian dan cita-cita ini adalah untuk mewujudkan sebuah negara demokratik, bersatu dan terasnya adalah nasionalisme Melayu. Pandangan beliau bahawa Negara ini telah berubah wajah setelah Dr. Mahathir mengambil alih tampuk pimpinan Negara ini. Hal ini kerana perubahan dasar dari Tunku sehingga Tun Hussein Onn tidak diteruskan adalah disebabkan oleh kewujudan kumpulan pseudo nasionalis dalam Umno. Akibatnya, banyak peristiwa dan isu yang berlaku pada hari ini tidak serupa seperti yang diperjuangkan oleh para pimpinan dari Tunku hingga Tun Hussein Onn. Wadah perjuangan

untuk mendaulatkan anak bangsa tanpa kepentingan diri adalah agak sukar pada hari ini. Kepentingan diri untuk mengejar kuasa, pangkat dan harta kekayaan merupakan objektif utama menyertai Umno oleh kumpulan pseudo nasionalis. Perkara ini ditentang oleh Tengku Razaleigh sejak tahun 1984 lagi.

Kesimpulan

Dalam konteks model politik pentadbiran dan konsep kepimpinan, Tengku Razaleigh mempunyai persamaan dengan idea kepimpinan dan model politik pentadbiran Hume.³⁸ Idea dan konsep Hume:

- 1) Pendekatan Impresi yang melibatkan kesan tindak balas serta merta akibat daripada tindakan aktor politik. Hal ini akan menyebabkan satu persepsi yang terhasil daripada pengalaman rakyat atau pengikut atau ahli dalam sesebuah organisasi. Kesan tindak balas ini berlaku akibat daripada tindakan aktor politik dalam memperjuangkan kedudukan, fahaman dan kuasanya dalam dunia politik pentadbiran. Justeru, Tengku Razaleigh telah menggunakan dua kali pendekatan impresi iaitu semasa pemilihan Timbalan Presiden 1981 dan Presiden Umno 1987. Kedua-dua tindakan ini gagal tetapi memberikan kesan yang mendalam ke atas politik pentadbiran Negara ini khususnya Umno Kelantan.
- 2) Idea yang memberikan bekas ke atas minda setiap yang mengikutinya atau yang melawannya. Contohnya, idea membangunkan Tabung Dana Umno, membina dan membangunkan kompleks Umno iaitu kompleks *Putra World Trade Center*, merampas Kelantan dari Pas, membangunkan ekonomi Negara dari segi penubuhan Petronas, Pernas, Amanah Saham Nasional, Bank Simpanan Nasional dan sebagainya. Jasa bakti yang dicurahkan oleh Tengku Razaleigh ke atas masyarakat Melayu khususnya Melayu Kelantan tidak dapat tidak boleh dipertikaikan dan dilupakan oleh generasi sekarang. Tanpa beliau, siapakah Melayu yang ada hari ini dan tanpa beliau adakah Umno mampu berdiri sendiri tanpa bergantung kepada pelobi-pelobi taukeh Cina. Justeru, hal ini dapat menyebabkan setiap ahli Umno dan masyarakat Melayu dapat memikirkan siapakah Tengku Razaleigh dalam dunia politik Malaysia.
- 3) Konvensi merupakan salah satu kaedah untuk mendapatkan pengiktirafan di atas kepentingan dan manfaat bersama. Pengiktirafan ini boleh diperolehi sama ada secara formal atau tidak formal. Contohnya, penganugerahan Tan Sri kepada Tengku Razaleigh merupakan satu pengiktirafan di atas jasa bakti beliau ke atas masyarakat Melayu khususnya Melayu Kelantan. Pengiktirafan yang tidak formal boleh dilihat sewaktu zaman Dato' Asri yang merupakan Menteri Besar dari Pas yang menghormati beliau sebagai lawan. Hal ini adalah disebabkan beliau adalah anak kepada mantan Menteri Besar Kelantan dan merupakan keturunan raja yang dihormati oleh masyarakat Melayu Kelantan. Sementara itu, pengiktirafan yang terbesar yang diperolehi oleh Tengku Razaleigh ialah kemenangan Umno Kelantan yang dipimpin beliau. Kemenangan ini sudah pasti mendapatkan sokongan sama ada dari ahli parti Umno Kelantan mahupun ahli parti Pas. Hal ini berlaku adalah disebabkan kemenangan yang diperolehi oleh parti Umno yang diterajui oleh beliau adalah kemenangan dua pertiga DUN Kelantan. Perkara ini tidak akan terjadi jika tiada sokongan dan dokongan dari parti lawan.
- 4) Nilai-nilai kemuliaan atau *Artificial Virtues* yang mempunyai sifat menunaikan janji dan memberikan keadilan kepada rakyat yang diperintahnya atau pengikutnya. Tengku Razaleigh sememangnya telah menunaikan janji beliau untuk memulihkan Umno Kelantan dan merampas Kelantan dari Pas. Kedua-dua janji ini diukirkan oleh beliau kepada Tun Abdul

Razak dan Tunku sewaktu beliau dipilih untuk memimpin Umno Kelantan pada tahun 1961-1964. Berkali-kali beliau berjanji kepada kedua-dua tokoh ini dan juga Umno Kelantan semasa Perhimpunan Agung Umno 1962. Sementara itu, keadilan yang diberikan adalah lebih besar ertinya kepada masyarakat Melayu. Hal ini boleh dijelaskan dengan perancangan ekonomi yang diusahakan oleh beliau semasa menjadi Menteri Kewangan Malaysia. Keadilan dari segi mendapatkan hak kekayaan ekonomi Malaysia. Usaha yang dijalankan untuk menjayakan keadilan ini dengan menubuhkan pelbagai badan-badan berkanun kerajaan dan juga dasar-dasar ekonomi yang memberikan ruang dan peluang kepada masyarakat Melayu. Ruang dan peluang ini adalah seperti usaha beliau dalam rancangan tanah penanaman getah dan kelapa sawit, pemberian kuota 30 peratus untuk kaum bumiputera mendapatkan saham-saham syarikat-syarikat di Malaysia, syarat penggajian pekerja-pekerja Melayu sekurang-kurangnya 50 peratus dalam semua syarikat dan akhir sekali memudahkan orang Melayu membeli hartanah dengan melonggarkan syarat-syarat pinjaman perumahan.

5) Memotivasikan semangat perjuangan kepada anak bangsa tanpa mengenal erti kalah dan menang. Hal ini merupakan salah satu syarat untuk idea kepemimpinan politik pentadbiran Hume's. Liku-liku perjuangan Tengku Razaleigh tidak pernah setenang air sungai dan tidak seribut ombak lautan. Justeru, setiap kejayaan beliau pasti diiringi juga kekalahan dan pengkhianatan. Pengkhianatan yang dimaksudkan ialah elemen fitnah untuk menjatuhkan beliau dari persada politik Malaysia. Kata-kata beliau dapat memberikan semangat waja kepada pengikut-pengikutnya sewaktu beliau menghadapi kekalahan. Apabila beliau menang dalam perjuangan tidak pernah melupakan pengikut-pengikutnya.³⁹

Jelasnya, model politik pentadbiran dan konsep kepemimpinan Tengku Razaleigh mempunyai persamaan dengan idea Hume. Penelitian kepada tindak tanduknya dalam sejarah politik di Malaysia memperlihatkan perkara ini dengan jelas.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada penilai dan editor Jurnal Munsyi di atas sumbangan mereka sehingga makalah ini dapat diterbitkan.

Bibliografi

- Abdul Rahman dan Mustapha Kassim. (2009). *Sindrom Malay Dilemma*. Kuala Lumpur Pelanduk Publications.
- Ahmad Atory Hussain & Malike Ibrahim. (2004). *Politik Pentadbiran di Malaysia: Penilaian pegawai awam terhadap dasar politik dan kepemimpinan nasional*. Laporan Penyelidikan Perpustakaan Universiti Utara Malaysia. Tidak Diterbitkan.
- Ahmad Atory Hussain & Malike Ibrahim. (2006). *Administrative Modernization in Malaysian Local Government: A Study in Promoting Efficiency, Effectiveness and Productivity*. Laporan Penyelidikan Perpustakaan Universiti Utara Malaysia. Tidak Diterbitkan.
- Ahmad Atory Hussain, Malike Ibrahim, Amir Hamzah Abdul, Muhamad Fuad Othman & Zaheruddin Othman. (2005). *Perkembangan politik pentadbiran di Malaysia: Kajian ke atas pendapat pegawai awam terhadap isu-isu nasional*. Laporan Penyelidikan Perpustakaan Universiti Utara Malaysia. Tidak Diterbitkan.
- Alias Mohamed. (1986). *Tengku Razaleigh: Rintangan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House.
- Anderson, T.J. et.al. (2000). A construct-driven investigation of gender differences in a leadership role assessment center. *Journal of Applied Psychology*, 91 (3): 555-566
- Anwar Shukri. (1987). *Tengku Razaleigh Dalam Sejarah Politik UMNO*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House.
- Asrar Omar, Muliadi Marjohan & Zalinah Ahmad. (2004). *Perbandingan Sistem Politik dan Pentadbiran*. Jitra: Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan Universiti Utara Malaysia

- Aziz Zariza Ahmad. (1983). *Putera Raja Di Hati Rakyat*. Kuala Lumpur: Kedai Buku Koperatif Universiti Malaya.
- Boon Tat, Khoo. (2000). Peranan Dr Mahathir Mohammad dan kesannya terhadap Dasar Luar Malaysia 1981-1997. Laporan Penyelidikan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Tidak Diterbitkan
- Case, W. (1991). Comparative Malaysian Leadership: Tunku Abdul Rahman and Mahathir Mohamad. *Asian Survey*. 31(5): 456-473.
- Boucher D., Kelly P. (2013). *Political Thinkers: From Socrates to the Present*. New York: Oxford University Press.
- Easton, D. (1998). *The Political System*. New York: Prentice Hall
- Hussain Mohammad. (1977). *Pembentukan dan Manifestasi Politik Desa Dlm. Zainal Kling. Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Jamaie Jamil. (2003). Kepimpinan Politik: Pola Kepimpinan Politik UMNO. *Akademika*.62 (Januari): 17-39.
- Ranjit Gill. (1987). *Razaleigh: Cita-cita dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications
- Shamsul Amri. (1976). Perancangan Pembangunan Negara Selepas Merdeka dari 1957-1975: Tinjauan Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Malaysia Dalam Persatuan Sejarah Malaysia. *Malaysia: Sejarah dan Proses Perkembangan*. Disember (2): 24-45.
- Shamsul Maaruf. (1988). *Malay Ideas on Development: From Feudal Lord to Capitalist*. Singapura: Times Book International
- Sivamurugan Pandian et al. (2007). *Tun Abdullah Ahmad Badawi: Tiga Tahun di Putrajaya-Menjejaki Pencapaian dan Strategi Masa Depan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications
- Weber, M. (1968). *On Charisma and Institution Building*. London: University of Chicago.
- Xavier, J.A. (2008). How to be a great public service leader? *Jurnal Pengurusan Awam*. Jun 2008: 1-26.

¹ Ranjit Gill. (1987). *Razaleigh: Cita-cita dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications

² Jamaie Jamil. (2003). Kepimpinan Politik: Pola Kepimpinan Politik UMNO. *Akademika*.62 (Januari): 17-39.

³ Weber, M. (1968). *On Charisma and Institution Building*. London: University of Chicago.

⁴ Shamsul Maaruf. (1988). *Malay Ideas on Development: From Feudal Lord to Capitalist*. Singapura: Times Book International

⁵ Ahmad Atory Hussain, Malike Ibrahim, Amir Hamzah Abdul, Muhamad Fuad Othman & Zaheruddin Othman. (2005). *Perkembangan politik pentadbiran di Malaysia: Kajian ke atas pendapat pegawai awam terhadap isu-isu nasional*. Laporan Penyelidikan Perpustakaan Universiti Utara Malaysia. Tidak Diterbitkan.

⁶ Asrar Omar, Muliadi Marjohan & Zalinah Ahmad. (2004). *Perbandingan Sistem Politik dan Pentadbiran*. Jitra: Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan Universiti Utara Malaysia

⁷ Easton, D. (1998). *The Political System*. New York: Prentice Hall

⁸ Shamsul Maaruf. (1988). *Malay Ideas on Development...*

⁹ Anderson, T.J. et.al. (2000). A construct-driven investigation of gender differences in a leadership role assessment center. *Journal of Applied Psychology*, 91 (3): 555-566

¹⁰ Shamsul Maaruf. (1988). *Malay Ideas on Development...*

¹¹ Hussain Mohammad. (1977). *Pembentukan dan Manifestasi Politik Desa Dlm. Zainal Kling. Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

¹² *Ibid*

¹³ Ranjit Gill. (1987). *Razaleigh: Cita-cita dan Perjuangan...*

¹⁴ Shamsul Maaruf. (1988). *Malay Ideas on Development...*

¹⁵ Case, W. (1991). Comparative Malaysian Leadership: Tunku Abdul Rahman and Mahathir Mohamad. *Asian Survey*. 31(5): 456-473.

¹⁶ Ranjit Gill. (1987). *Razaleigh: Cita-cita dan Perjuangan...*

¹⁷ Weber, M. (1968). *On Charisma and Institution Building...*

¹⁸ Jamaie Jamil. (2003). Kepimpinan Politik...

¹⁹ Shamsul Maaruf. (1988). *Malay Ideas on Development...*

²⁰ Jamaie Jamil. (2003). Kepimpinan Politik...

²¹ Aziz Zariza Ahmad. (1983). *Putera Raja di Hati Rakyat*. Kuala Lumpur: Kedai Buku Koperatif Universiti Malaya.

²² *Ibid*

²³ Jamaie Jamil. (2003). Kepimpinan Politik...

²⁴ Anwar Shukri. (1987). *Tengku Razaleigh dalam Sejarah Politik UMNO*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House.

²⁵ Jamaie Jamil. (2003). Kepimpinan Politik...

²⁶ Abdul Rahman dan Mustapha Kassim. (2009). *Sindrom Malay Dilemma*. Kuala Lumpur Pelanduk Publications.

²⁷ Jamaie Jamil. (2003). *Kepimpinan Politik...*

²⁸ Boon Tat, Khoo. (2000). *Peranan Dr Mahathir Mohammad dan kesannya terhadap Dasar Luar Malaysia 1981-1997*. Laporan Penyelidikan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Tidak Diterbitkan

²⁹ Aziz Zariza Ahmad. (1983). *Putera Raja di Hati Rakyat*.

³⁰ Xavier, J.A. (2008). How to be a great public service leader? *Jurnal Pengurusan Awam*. Jun 2008: 1-26.

³¹ Jamaie Jamil. (2003). *Kepimpinan Politik...*

³² Xavier, J.A. (2008). How to be a great...

³³ *Ibid*

³⁴ Alias Mohamed. (1986). *Tengku Razaleigh: Rintangan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House.

³⁵ Jamaie Jamil. (2003). *Kepimpinan Politik...*

³⁶ Anwar Shukri. (1987). *Tengku Razaleigh dalam Sejarah...*

³⁷ Sivamurugan Pandian et al. (2007). *Tun Abdullah Ahmad Badawi: Tiga Tahun di Putrajaya-Menjejaki Pencapaian dan Strategi Masa Depan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications

³⁸ Boucher D., Kelly P. (2013). *Political Thinkers: From Socrates to the Present*. New York: Oxford University Press.

³⁹ *Ibid*